

Karnival Sukan Piala Perisai Pengetua isi slot UMS

UB 16/05/2012 A14

KOTA KINABALU: Sebanyak empat jenis sukan iaitu bola jaring, bola keranjang, futsal dan ping pong telah dipertandingkan pada Karnival Sukan Piala Perisai Pengetua di Kompleks Sukan UMS dan kawasan sekitar kolej kediaman EUMS baru-baru ini.

Penyertaan setiap sukan disertai oleh mahasiswa dan mahasiswi UMS dengan

berobjektifkan ‘Sukan Untuk Semua’ iaitu menggalakkan budaya bersukan dan mempelbagaikan aktiviti berbentuk riadah kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi di dalam kampus.

Karnival sukan pada kali ini telah diselaraskan oleh pensyarah HS20 Sains Sukan UMS; Hasnol Noordin dan dibantu oleh pelajar-pelajar UMS.

ACARA perlawanann ping pong.



AKSI perlawanann bola jaring.

Menurut salah seorang peserta, Nabilah Aishah Wahab; pemenang acara ping pong, karnival ini telah memberi peluang kepada beliau dan rakan-rakan untuk

beriadah dan mengasah kemahiran.

Sementara itu, pengarah bahagian publisiti; Muhammad Ali Hydar berkata, penyertaan karnival sukan pada kali ini

amat menggalakkan.

Katanya, hampir 500 pelajar telah menyertai karnival ini dan terdapat permintaan untuk penambahan acara pada masa akan datang.